tries topping the list with the most finger-related accidents were timber processing, airline ground handling, steel milling, glove production and commercial bakeries with each seeing more than a dozen mishaps every year.

However, he said they could not ascertain if any of the cases were deliberately created with an aim to seek compensation.

"We have not identified any such case of a worker doing it on purpose for compensation. Based on our investigations, it is often due to negligence and failure to

observe safety procedures," he said.

Bahrudin also said many cases of finger loss or injury occurred when a worker attempted to manually sort out processes when automation malfunctioned.

He said campaigns and intervention by DOSH to address the issue last year had brought positive and significant improvements.

While the latest 2024 statistics are in the midst of being compiled by the department, preliminary findings showed a decline in the

The Star 2/4
EXCLUSIVE

number of finger and hand-related accidents.

Bahrudin said various occupational safety campaigns targeted specifically at the type of accidents that are rampant are being planned for launch this year to further safeguard workers from preventable harm at their workplace.

"We encourage self-regulation of safety at workplaces and for employers to be proactive in taking essential steps to avoid mishaps."

"The top 50 companies with the highest number of occupational casualties nationwide are closely monitored with regular inspections at the premises," he added.

However, Bahrudin said with over 30,000 cases of accidents reported across the country, their manpower would be stretched.

"If a fatal accident occurs, we will definitely step in to conduct a thorough investigation."

"It is compulsory for employers to notify us of any accident case that requires a worker to go on sick leave for more than four days," he said.

"On top of this, employers are also required to submit an annual report, declaring the total num-

ber of accidents at their premises throughout the year, regardless of the severity."

"This enables us to closely monitor, intervene and implement stronger protective measures for the safety of workers," he added.

Under the Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA) or Act 514, the responsibility of ensuring workplace safety and health lies with the employer or the owner of a business.

"When a job is to be performed, it is crucial for risk assessment to be undertaken by employers. They need to analyse the risks and dangers their workers could be exposed to and take necessary steps to minimise them," he said.

Bahrudin said workers had the right to refuse resuming their duties if they find their workplace was unsafe.

He said they might step away from the site and notify their employer of the hazards.

"If the employer does not take remedial steps to address the risk, the worker can file a report with DOSH. We will then take the appropriate action," he said.

On the other hand, Bahrudin said workers who did not adhere to safety measures or procedures accordingly could face action, including being charged in court for negligence.

"There have been several such cases in the past where errant workers were hauled up to court," he said.

THE STAR

Tarikh: 21 APR 2025

Occupational safety awareness drives working

PETALING JAYA: There has been a sharp drop in occupational deaths and workplace accidents over the last 10 years due to awareness campaigns and close monitoring by the authorities.

The Occupational Safety and Health Department (DOSH) said this was a positive development despite the local workforce consistently growing annually.

According to DOSH, the average non-fatal accident rate in 2013 was 3.28 cases for every 1,000 workers but it had gradually dropped by 24% to 2.46 in 2023.

As for occupational fatalities,

the average rate of 4.62 deaths for every 100,000 workers in 2013 plunged by 54% or 2.05 deaths in 2023.

DOSH said the population of both local and foreign workers nationwide increased from 15.06 million in 2021 to 15.8 million in 2023.

On cases of industrial accidents and deaths in the past three years, the department said a total of 21,534 cases and 301 deaths were reported in 2021.

There were 34,216 cases and 317 deaths in the following year. DOSH said in 2023, the number

of cases went up to 38,950 with 324 deaths.

Female workers only made up about 2% of the total number of fatalities between 2021 and 2023, while 55% of those killed were foreign workers.

In addition, about 16% of the occupational injury cases involved foreign workers.

Cases of injuries were highest among those in the age groups of between 20 and 24, and 60 and 64.

The same age groups also had the highest number of occupational deaths in 2023.

DOSH said most injuries from occupational accidents involved the upper body, followed by the lower extremities (refers to the legs from the hip to the toes) and torso.

The most common causes of the accidents reported were due to stepping or bumping into dangerous objects or getting hit by falling objects, followed by falling.

"The manufacturing, construction and service industries reported the highest number of workplace accidents and deaths," the department said.

As for occupational diseases and disorders, DOSH said hearing problems and hearing disorders caused by workplace noise pollution were the highest and most common.

This was followed by musculoskeletal disorders and ailments caused by biological diseases.

Data also showed that the majority of those afflicted with diseases and disorders were from the age group of 30 and 39.

DOSH said the latest statistics for 2024 are being compiled and will be released to the public soon.

THE STAR

Tarikh: 21 APR 2025

Ruler: Don't exploit pilgrims

Selangor
Sultan
condemns
cheating

SHAH ALAM: The Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, has reminded Muslims not to exploit others by offering fake haj packages for personal gain.

Sultan Sharafuddin said such acts are taken seriously by the government, and Islam strictly prohibits cheating, with those involved in such wrongdoing subject to divine punishment.

His Royal Highness also advised the public to use services provided by Lembaga Tabung Haji (TH) instead of unverified travel agencies that could potentially scam pilgrims and jeopardise their pilgrimage.

"I hope there will be no more cases of haj pilgrims being deceived by unlicensed agents in the future," Sultan Sharafuddin said in his Royal Address at the Selangor-level Haj Premier Course 1446H here yesterday.

Also present were Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar and Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari, Bernama reported.

Sultan Sharafuddin also



Be exemplary: The Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (centre), meeting with the pilgrims who attended the event. Also present were Amirudin (behind the Sultan) and Mohd Na'im Mokhtar (on Amirudin's left). — Bernama

reminded Selangor pilgrims to concentrate on their worship while in the Holy Land, to refrain from participating in any protests or demonstrations, and to follow the instructions provided by TH personnel.

"I have been informed that Malaysian pilgrims, including those from Selangor, are among the most disciplined and compliant with the regulations set by the

Saudi Arabian government.

"I hope all of you will continue to uphold self-discipline and maintain the good name of Selangor and Malaysia while in the Holy Land."

The Sultan advised pilgrims to prioritise their health, as the haj demands physical endurance, and to seek medical attention promptly if necessary to prevent any adverse effects on

their pilgrimage.

"Let me also remind all haj pilgrims to comply with the laws set by both the Malaysian and Saudi Arabian governments so that we may remain safe and free from any issues."

During the event, Sultan Sharafuddin also presented haj essentials as souvenirs to representatives from each district in Selangor.

THE STAR

Tarikh: 21 APR 2025

Fitnah berkaitan projek DBKL tidak gugat kepercayaan ahli terhadap saya: Afdlin Shauki

HM (DBKL)
2/14

Kuala Lumpur: "Kemenangan ini membuktikan fitnah dan tohmahan yang cuba dilemparkan kepada saya, khususnya isu yang dikaitkan dengan projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak menggugat kepercayaan ahli.

"Saya yakin ahli lebih bijak menilai, dan mereka memilih keikhlasan serta rekod khidmat, bukan persepsi murahan."

Demikian kata pelakon dan pengarah, Datuk Afdlin Shauki yang berjaya memenangi kerusi Ketua Cabang PKR Setiawangsa dalam pemilihan parti

yang berlangsung semalam.

Afdlin, 54, menyifatkan kemenangannya demi cabang parti di Setiawangsa serta menganggap kemenangan itu amanah.

Menerusi kenyataan di media sosialnya, Afdlin melahirkan perasaan keinsafan dan kesyukuran dengan kemenangannya.

"Saya menerima keputusan rasmi Pemilihan Cabang PKR Setiawangsa 2025 yang menyaksikan saya diberikan mandat sebagai Ketua Cabang.

"Kejayaan ini bukan milik saya seorang, tetapi

usaha dan iltizam jentera kempen seiring semangat satu pasukan yang percaya dengan satu objektif iaitu agenda memantapkan parti Keadilan.

"Kemenangan ini adalah suatu amanah yang amat besar, bukan sekadar satu kejayaan peribadi, tetapi simbol suara ahli yang mahu melihat nafas baru dalam kepemimpinan tempatan, yang mahu politik yang menyentuh hati dan menyelesaikan masalah sebenar," katanya.

Pemilihan yang dilakukan menyaksikan Afdlin memperoleh 631 undi berbanding 563 undi yang di-

peroleh penyandang jawatan iaitu Nik Nazmi Nik Ahmad.

"Kemenangan ini bukan untuk diraikan dengan sorak gembira, tetapi untuk direnung sebagai titik mula perjuangan yang lebih besar.

"Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Nik Nazmi atas segala jasa dan khidmat bakti beliau kepada Cabang Setiawangsa selama ini.

"Beliau (Nik Nazmi) seorang tokoh reformasi yang berwibawa dan berintegriti dan sumbangannya ti-

dak akan dilupakan oleh warga cabang ini," katanya.

Dia juga menjemput semua penyokong Nik Nazmi untuk bersama-sama memperkasakan Cabang Setiawangsa.

"Perbezaan pendapat lumrah dalam demokrasi, tetapi selepas tamatnya pemilihan yang tinggal hanyalah satu matlamat, membina kekuatan parti dan berbakti kepada ahli serta masyarakat.

"Lebih penting saya menyeru kepada semua ahli cabang agar kita menguatkan barisan, bekerjasama dan bersedia membantu Nik Nazmi sebagai Ahli Parlimen Setiawangsa dalam melaksanakan agenda reformasi di peringkat nasional," katanya.



HARIAN METRO
Tarikh: 21 APR 2025

Kebakaran saluran paip gas di Putra Heights pada hari kedua Syawal baru-baru ini yang memusnahkan dan menjejaskan banyak kediaman, jelas menjadi peringatan perit untuk pemilik memberi pertimbangan serius menginsuranskan aset itu serta kandungannya dalam mengurangkan kerugian akibat bencana.

Insiden bertarikh 1 April itu sememangnya mengejutkan, apabila Malaysia bukannya sering berdepan kebakaran atau letupan berskala besar yang memusnahkan rumah serta harta benda sekelip mata dengan impaknya terus jelas sehingga ke hari ini.

Letupan dengan kepulan awan cendawan besar dan api setinggi 20 tingkat yang mencetuskan bahang haba, memusnahkan harta kediaman dan kenderaan dalam radius 500 meter.

Akibatnya, dianggarkan 1,254 orang daripada 308 keluarga terjejas, 87 rumah musnah dan 148 yang lain memerlukan pembaikan.

Tragedi itu jelas membuktikan bencana boleh berlaku pada bila-bila masa serta di mana sahaja.

Lebih penting lagi, ia menunjukkan betapa pentingnya bagi pemilik rumah mempunyai insurans rumah sebagai perisai atau perlindungan kewangan dalam menangani keadaan di luar jangka sedemikian.

Malangnya, tidak ramai yang menyedari mengenai tiga jenis liputan atau perlindungan insurans rumah seperti polisi pemilik rumah (HO), polisi isi rumah (HH) dan insurans kebakaran.

Menurut Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), insurans rumah melindungi kerosakan akibat letupan, yang termasuk di bawah polisi pemilik rumah (HO).

Polisi HO adalah komprehensif yang meliputi struktur fizikal rumah terhadap risiko seperti keba-

Hanya 42% rumah ada insurans api

karan, kilat, letupan, bencana alam dan paip pecah. Ketua Pegawai Eksekutif PIAM, Chua Kim Soon berkata bagi insiden di Putra Heights misalnya, ini meliputi kerosakan akibat letupan termasuk letupan saluran paip gas dengan pampasan berdasarkan kos pembinaan semula.

"Bagi tujuan tuntutan, mereka perlu mendapatkan kelulusan bertulis syarikat insurans sebelum meneruskan sebarang pembaikan rumah, termasuk kerja-kerja keceemasan kerana kerja tanpa kebenaran mungkin tidak dilindungi oleh polisi dan sijil pemilik rumah," katanya.

Menurut Chua, bagi pemilik yang masih terikat dengan pinjaman gadai janji, pihak bank biasanya memerlukan insurans pemilik rumah sebagai sebahagian daripada perjanjian pinjaman manakala untuk kondominium atau pangsapuri pula wajib bagi Badan Pengurusan Bersama (JMB) mengambil polisi induk perlindungan insurans rumah.

Polisi HO berharga purata RM382 setahun untuk rumah pangsa dan pangsapuri, RM377 untuk rumah bertanah manakala harga premium bergantung kepada jumlah nilai rumah yang diinsuranskan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa General Insurance Bhd Fakhairudin Mohd Yusof berkata polisi rumah itu melindungi struktur bangunan daripada risiko dengan memastikan kepentingan kewangan bank terhadap hartanah itu terpelihara.

Ini secara amnya bermakna pe-

milik rumah dengan pinjaman aktif berkemungkinan mempunyai perlindungan diperlukan untuk tujuan tuntutan.

Polisi isi rumah (HH) pula melibatkan perlindungan kandungan isi rumah, melindungi daripada kehilangan atau kerosakan akibat kejadian seperti kebakaran, kecurian dan bencana alam tertentu.

Tidak seperti polisi HO yang diwajibkan apabila pinjaman perumahan terbabit, polisi HH adalah pilihan, boleh dibeli secara berasingan untuk menampung kandungan rumah anda dengan harga purata RM142 manakala premium bergantung kepada jumlah nilai yang diinsuranskan.

Namun, ia sering diabaikan kerana tidak banyak kesedaran mengenainya.

Berikutan itu, ramai pemilik rumah yang terjejas atau tidak dilindungi untuk kehilangan atau kerosakan kandungan isi rumah mereka dalam kejadian tidak dijangka.

Chua berkata insurans kebakaran standard atau asas pula merangkumi perlindungan kerosakan akibat kebakaran, kilat serta letupan akibat gas yang digunakan untuk tujuan domestik.

"Bagi kerosakan akibat letupan selain daripada gas domestik, tambahan pilihan boleh dibeli dengan insurans kebakaran. Pampasan pula adalah berdasarkan kos pembinaan semula," katanya.

Selain itu, Fakhairudin berkata insurans ke-

bakaran tidak wajib untuk semua pemilik rumah melainkan ia diperlukan oleh bank mereka untuk tujuan pinjaman perumahan.

"Dari sudut pandang masyarakat, salah satu sebab utama pengambilan rendah mungkin disebabkan oleh kurangnya kesedaran atau kemampuan, terutama dalam kalangan segmen penduduk berpendapatan rendah," katanya.

Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat 9.10 juta isi rumah pada 2024 namun hanya 3.88 juta polisi insurans kebakaran dan rumah dicatatkan yang mencerminkan kadar pengambilan sebanyak 42.6 peratus.

Sebagai perbandingan, sebanyak 8.88 juta isi rumah pada 2023 dengan 3.89 juta polisi insurans kebakaran dan rumah direkodkan iaitu memaparkan kadar pengambilan sebanyak 43.8 peratus.

Chua berkata dengan kadar pengambilan sekitar 43 peratus, ini menunjukkan lebih separuh daripada isi rumah Malaysia masih tidak dilindungi daripada kerosakan struktur akibat kebakaran, banjir dan cuaca buruk.

Di samping itu, data Insurance Services Malaysia Bhd menunjukkan premium bertulis kasar (GWP) bagi polisi HO di Malaysia meningkat 4.35 peratus kepada 787.30 juta bagi tempoh Januari-Sep-

tember 2024 berbanding 754.46 juta setahun sebelumnya.

GWP bagi polisi HH di negara ini meningkat 10.35 peratus kepada 32.21 juta bagi tempoh Januari-September 2024 berbanding 29.28 juta dalam tempoh sama pada 2023.

Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa General Takaful Bhd Shahruil Azuan Mohamed berkata jurang kesedaran mengenai perlindungan insurans rumah masih wujud, termasuk membabitkan polisi kebakaran.

"Ramai pemilik rumah menganggap risiko banjir, tanah runtuh dan bencana alam lain dilindungi secara automatik di bawah polisi standard. Namun, pada hakikatnya, perlindungan bahaya khas mesti dibeli secara berasingan," katanya.

Bagi tujuan perlindungan isi rumah, Zurich Malaysia menyarankan agar

"Bagi tujuan tuntutan, mereka perlu mendapatkan kelulusan bertulis syarikat insurans"

Chua

pemilik rumah memilih polisi HH untuk melindungi harta benda dan barang-barang mereka dengan lebih baik, sekali gus memastikan fikiran lebih tenang.

"Walaupun terdapat peningkatan penggunaan polisi HH pada tahun lepas, pengambilan keseluruhan kekal agak rendah, khususnya disebabkan oleh kekurangan kesedaran dan pemahaman mengenai kepentingan perlindungan rumah yang komprehensif," katanya.

Jelaslah, insiden Putra Heights menjadi pembuka mata bahawa bencana boleh melanda tanpa mengira masa dan lokasi yang mampu mengubah segala-galanya dalam sekelip mata.

Walaupun bencana tidak dapat dijangka, persediaan atau perisai bagi pemilik rumah adalah memastikan mempunyai perlindungan insurans rumah tepat demi melindungi rumah, harta benda dan kesejahteraan kewangan.



Subang Jaya: Seorang kontraktor kerugian RM100,000 selepas Toyota Hilux berwarna putih miliknya yang diletak di hadapan rumah hilang di Taman Puchong Indah, Puchong di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, lelaki berusia 26 tahun sebelum itu meletakkan pacuan empat roda berkenaan pada jam 1.43 pagi.

Menurutnya, bagaimanapun pada jam 6.30 pagi, mangsa mendapati kenderaannya hilang disyaki dicuri menyebabkan ke-

Kontraktor rugi RM100k pikap depan rumah hilang

rugian RM100,000.

"Hasil siasatan dan penelitian rakaman kamera litar tertutup (CCTV) da-

ripada kediaman jiran, didapati dua suspek lelaki menaiki kereta dengan nombor pendaftaran ti-

dak pasti berada di lokasi kejadian.

"Seorang suspek mendekati Toyota Hilux itu dan membuat sesuatu menyebabkan alarm berbunyi serta lampu signal belakang kiri dan kanan menyala," katanya, semalam.

Katanya, suspek kemudian membawa lari kenderaan terbabit.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 379A Kanun Keseksaan," katanya.

"Hasil siasatan dan penelitian rakaman kamera litar tertutup (CCTV) jiran, didapati dua suspek lelaki menaiki kereta dengan nombor pendaftaran tidak pasti berada di lokasi kejadian"

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat

HARIAN METRO

Tarikh: 2.1 APR. 2025.....



DUA anggota polis dari Unit Rondaan Bermotosikal (URB) diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) ketika mendapatkan perintah tahanan reman bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah di Mahkamah Majistret Georgetown.
- Gambar NSTP/DANIAL SAAD

BANTU SIASATAN KES MINTA SUAPAN

Dua anggota URB direman enam hari

Georgetown: Dua anggota polis dari Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dikenakan perintah reman selama enam hari oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam, bagi membantu siasatan berhubung dakwaan meminta suapan ketika menjalankan tugas di kawasan Bayan Baru, dekat sini.

Majistret Siti Nurul Suhaila Baharin mengeluarkan perintah reman terhadap suspek yang masing-masing berpangkat

lans kopal dan kopal berusia 28 dan 39 tahun bermula semalam sehingga 26 April ini.

Terdahulu kedua-dua suspek tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Pulau Pinang dalam keadaan tangan bergari diiringi pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dengan memakai baju lokap SPRM berwarna

jingga jam 9.50 pagi.

Menurut sumber, kedua-dua anggota berkenaan dipercayai meminta wang suapan daripada pengadu yang dipercayai terabit dalam kes dadah di sebuah pangsupuri di kawasan Bayan Baru kira-kira jam 3 pagi kelmarin.

Difahamkan, pengadu menyedekahkan wang se-

banyak RM1,500 menerusi dua transaksi secara dalaman sebagai balasan supaya dia tidak dikenakan tindakan selain motosikalnya miliknya turut disita anggota berkenaan.

Kedua-dua suspek masing-masing ditahan di Balai Polis Bayan Baru pada jam 7.35 malam dan 9 malam kelmarin dan kemudiannya dibawa ke Ibu Pejabat SPRM Pulau Pinang di sini untuk siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Suspek masing-masing berpangkat lans kopal dan kopal

Jalan masuk utama
ke tiga pusat rekreasi
di Sungkai terputus

Oleh SAIFULLAH AHMAD
TANJUNG MALIM

136 orang terperangkap akibat jambatan runtuh

Sekurang-kurangnya seramai 136 orang terperangkap selepas jambatan di jalan masuk utama ke tiga pusat rekreasi dan perkhemahan di Sungkai di sini, runtuh dalam kejadian pagi

Ahad.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak, Sabarodzi Nor Ahmad berkata, pihaknya menerima maklumat

berkaitan kejadian tersebut pada jam 10.46 pagi.

Menurutnya, susulan itu sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Bidor telah bergegas ke lokasi kejadian.

"Kejadian jambatan runtuh itu berlaku di jalan masuk utama ke Hot Spring Felda Sungai Klah, Kampung Tisong dan Buyong Mas Sanctuary Camp Site yang mengakibatkan laluan masuk dan keluar terputus."

"Pihak JBPM bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk membawa mangsa keluar menggunakan jalan alternatif pada hari ini dan usaha itu sedang berjalan," katanya.

Sabarodzi berkata, berdasarkan maklumat diterima seramai kira-kira 45 orang terdiri daripada 17 keluarga iaitu 39 orang dewasa dan 16 kanak-kanak terkandas di Hot Spring Sungai Klah serta terdapat penduduk Kampung Orang Asli Tisong yang turut terlibat.

Selain itu, tambahnya, ter-



Keadaan jambatan yang runtuh menyebabkan jalan ke tiga pusat rekreasi terputus di Sungkai, Perak.



Anggota bomba bersama anggota daripada agensi lain membawa keluar mangsa terperangkap akibat jambatan runtuh di Sungkai, pada Ahad.

dapat kira-kira 81 pelajar dari Politeknik Sultan Azlan Shah yang sedang berkursus di Buyong Mas Sanctuary Camp Site bersama 10 orang kakitangan pusat perkhemahan ter-

babit turut terkandas.

Katanya, antara agensi terlibat termasuklah Pejabat Daerah Batang Padang, polis dan Angkatan Pertahanan Awam Sungkai.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.1..APR.2025.....

Kerajaan disaran kaji kaedah perlombongan REE China

SH 21/4

SHAH ALAM - Kerajaan disaran melaksanakan kajian mendalam bagi memastikan teknologi pemprosesan nadir bumi (REE) dari China adalah selamat dalam jangka masa panjang sebelum meluluskan sebarang operasi perlombongan REE berskala besar di negara ini.

Presiden Institut Geologi Malaysia, Abd Rasid Jaapar berkata, ia kerana kaedah perlombongan seperti larut lesap setempat yang diterima pakai di China, masih menimbulkan persoalan dari segi kesannya terhadap air bawah tanah dan struktur tanah.

Justeru menurutnya, pematuhan terhadap standard operasi prosedur (SOP) dalam perlombongan REE juga perlu dikaji semula dengan mengambil kira kesan jangka panjang terhadap biodiversiti dan habitat semula jadi.

"Saya masih lagi tertanya-tanya, adakah perlombongan REE di peringkat hulu (upstream) melalui proses larut lesap setempat (*in situ leaching*) telah dibuktikan tidak akan mencemarkan air bawah tanah dan juga tanah itu sendiri.

"Saya difahamkan kaedah ini diterima pakai di China tapi tidak di negara barat atas isu pencemaran. Oleh itu, syarikat perlombongan, agensi kerajaan dan juga pengkaji perlu membuktikan kaedah yang digunakan adalah selamat dan lestari da-



ABD RASID



NOR SHAHIDAH

lam jangka masa panjang," katanya kepada Sinar Harian pada Sabtu.

Sebelum ini, Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, China sedia berkongsi teknologi pemprosesan REE, yang akan menjana lebih nilai berbanding mengeksport secara mentah.

Mengulas lanjut, Abd Rasid mengakui perkongsian teknologi China mampu mempercepatkan usaha Malaysia meneroka sumber REE negara dengan lebih produktif, namun ia perlu dalam keadaan menangan-menang.

Justeru ujar beliau, kerajaan perlu bijak dalam mengatur perjanjian perkongsian yang menguntungkan Malaysia dan China dalam jangka Panjang.

"Kita kena faham bahawa REE sekarang telah menjadi isu geopolitik dunia

di mana banyak negara berebut mencari REE. Keadaan ini sama dengan petroleum satu ketika dulu.

"Jika REE diteroka, dilombong dan diproses secara lestari akan menjadi sumber ekonomi negara yang tidak terperi," katanya.

Beliau juga percaya Malaysia mempunyai kepakaran teknikal dan tenaga kerja mahir yang mencukupi untuk mengendalikan pemprosesan REE secara selamat dan efisien.

"Keberadaan Syarikat Lynas di Malaysia bukan sahaja telah meletakkan Malaysia di peta dunia dari segi pemain REE tetapi juga telah menghasilkan tenaga kerja mahir tempatan yang mampu untuk mengendalikan pemprosesan REE secara selamat dan efisien.

"Saya sendiri telah terlibat di Lynas selama lebih tujuh tahun sebagai subperunding melihat kehebatan anak-anak tempatan di Lynas," katanya.

Sementara itu, Pakar Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Tanah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr Nor Shahidah Mohd Nazer menyifatkan, kesediaan China berkongsi teknologi pemprosesan REE sebagai peluang keemasan untuk Malaysia membangunkan modal insan berkemahiran tinggi, serta membina fasiliti pemprosesan REE yang setara de-

ngan negara pelopor REE lain.

Katanya, ia juga meningkatkan kemampuan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menghasilkan produk REE dan meningkatkan daya saing dan kekuatan ekonomi di persada global.

"Kita telah ada projek rintis REE menggunakan teknik suntikan bahan kimia di Malaysia. Bermakna kita telah mula mewujudkan kepakaran dan kemahiran tempatan, namun ini dalam konteks perlombongan, iaitu pengeluaran bahan mentah, pemprosesan memerlukan fasiliti dan teknologi terkini. Negara kita masih di dalam fasa permulaan.

"Pada dasarnya, kepakaran tempatan belum matang dan memerlukan bantuan negara besar seperti China untuk latihan dan perkongsian teknologi," katanya.

Bagaimanapun tegas beliau, Malaysia perlu memastikan teknik perlombongan mampan sahaja dijalankan bukan perlombongan konvensional berkonsepkan lombong dedaah yang boleh memusnahkan alam sekitar.

"Teknik suntikan kimia juga perlu dipantau dan ditambah baik dari semasa ke semasa dari segi tatacara pelaksanaan untuk mengawal sebarang perubahan kimia tanah dan air bawah tanah yang boleh mengubah kestabilan landskap secara keseluruhan," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.1.APR.2025.....

Purata 80 pekerja sakit setiap hari

Peningkatan NCD dialami pencarum PERKESO membimbangkan

Putrajaya: Peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) dalam kalangan pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) semakin membimbangkan, apabila secara purata seramai 80 individu dikesan menghidap pelbagai masalah kesihatan setiap hari pada tahun lalu.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata berdasarkan perangkaan juga, jumlah pencarum PERKESO yang dikesan mengalami keltatan akibat NCD, meningkat 26.5 peratus dalam tempoh hanya dua tahun sejak 2022.

Beliau berkata, perkembangan membimbangkan itu sekali gus dikhuatiri akan merencatkan kelangsungan produktiviti tenaga kerja negara ini.

Katanya, penilaian Kementerian Kesihatan (KKM) pada 2021 mendedahkan Malaysia berdepan kerugian mencecah RM64.2 bilion setahun atau bersamaan 4.2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) disebabkan NCD.

"Kerugian ini diukur menerusi perbelanjaan kos rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan, selain kehilangan produktiviti pekerja. Namun hakikatnya, ia boleh ditangani melalui amalan pemakanan sihat dan gaya hidup aktif."

"Atas dasar ini, PERKESO melaksanakan Program Saringan Kesihatan (HSP) sejak 2013, yang setakat ini sudah membabitkan lebih 900,000 individu kerana mencegah adalah lebih baik daripada mengubati," katanya pada acara PERKESO Run and Ride 2025 di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Lembaga PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

PERKESO Run and Ride 2025 mencatat sejarah tersendiri apabila memasuki edisi kelapan dan berjaya menghimpunkan lebih 10,000 peserta yang menyertai acara larian sejauh tiga, enam dan 10 kilometer (km) serta kayuhan santai sejauh 35km.

Program itu diadakan sempena sambutan Hari Pekerja 2025 dan menjadi acara pembuka tirai kepada Karnival Kerjaya MYFutureJobs @ Hari Pekerja 2025 yang akan berlangsung dari 28

April hingga 1 Mei ini di perkarangan Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Saringan penyakit

Sim berkata, berdasarkan HSP 3.0 pada 2023 dan 2024, saringan terhadap 270,000 pekerja berusia 40 tahun ke atas, mendapati 19.4 peratus daripada mereka menghidap penyakit kencing manis.

"Selain itu, 19.6 peratus menghidap penyakit darah tinggi, manakala 59.7 peratus lagi dikesan mempunyai kolesterol berlebihan dalam darah dan 160,100 orang (59.3 peratus) mengalami obesiti atau kegemukan," katanya.

Sim menyifatkan, golongan pekerja kesuma bangsa perlu memiliki ketahanan fizikal dan mental yang kuat untuk membangunkan bangsa dan negara.

Katanya, tanpa sumbangan pekerja daripada pelbagai sektor termasuk keselamatan, pertahanan serta perkhidmatan awam dan swasta, negara ini tidak akan mampu bergerak maju.

"Bukan kuasa luar seperti Amerika Syarikat atau China yang menghalang kemajuan, sebaliknya kecekan rakyat Malaysia sendiri menjadi penentu kepada kemampuan negara untuk muncul sebagai negara hebat," katanya. **BERNAMA**



Steven Sim

BERITA HARIAN

Tarikh....21.APR.2025.....

CUEPACS sokong kerja dari rumah, PdPR pada Sidang ASEAN

BH
24/4

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menyokong cadangan pelaksanaan bekerja dari rumah untuk penjawat awam dan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) bagi pelajar sekolah ketika Sidang Kemuncak ASEAN yang dijadual berlangsung pada bulan depan dan Oktober ini.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat, berkata cadangan yang dikemukakan Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan itu langkah proaktif dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas, terutama di Lembah Klang dan Putrajaya.

"Langkah ini penting bagi mengelakkan gangguan terhadap pergerakan harian rakyat, seperti yang berlaku ketika lawatan rasmi Presiden China, Xi Jinping, baru-baru ini yang menyaksikan banyak jalan utama ditutup," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Adnan, pelaksanaan bekerja dari rumah dan PdPR secara terancang dan berfasa diyakini tidak akan menjejaskan operasi perkhidmatan awam mahupun pendidikan.

Sebaliknya, beliau berkata, itu mampu menjaga kesejahteraan rakyat dan memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Malaysia juga mempunyai rekod cemerlang dalam pelaksanaan kaedah bekerja dari rumah dan PdPR ketika pandemik COVID-19. Penjawat awam dan sektor pendidikan berjaya menye-

Sarapan kerja dari rumah, PdPR ketika sidang ASEAN ke Kabinet



Keratan akhbar BH Jumaat lalu.

suaikan diri dengan penggunaan teknologi serta sistem dalam talian.

"Pengalaman ini membuktikan pendekatan itu bukan sahaja praktikal, malah mampu dilaksanakan dengan berkesan sekiranya dirancang dengan baik," katanya.

Adnan berkata, CUEPACS berharap cadangan itu dibincangkan di peringkat Jemaah Menteri.

Sementara itu Kongres Kesatuan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (KONGRES) mahu Kementerian Pendidikan (KPM) mempertimbang PdPR ketika Sidang Kemuncak ASEAN pada Mei dan Oktober depan.

Setiausaha Agungnya, Mohd Azizee Hasan, berkata cadangan itu berasaskan pengalaman kesesakan lalu lintas yang teruk ketika lawatan Jinping minggu lalu.

"Ini perlu mendapatkan arahan rasmi daripada KPM dengan mengambil kira keperluan serta keadaan sebenar setiap sekolah yang berbeza-beza dari segi bilangan murid dan kedudukan sekolah dengan laluan yang digunakan," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh... 21 APR 2025

Selangor akan hantar pegawai unit pengurusan bencana ke luar negara

Kerajaan negeri perlu kakitangan berpengalaman untuk siap siaga urus pasca bencana, gempa

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Selangor akan menghantar pegawai unit pengurusan bencana negeri ke negara yang berpengalaman menghadapi serta menguruskan bencana seperti gempa bumi.

EXCO Pengurusan Bencana Selangor, Mohd Najwan Halimi, berkata antara negara berkenaan ialah Jepun dan Turkiye.

Beliau berkata, pihaknya sedang melihat semula gerak kerja terbabit kerana sebelum ini lebih bertumpu kepada bencana yang lazim berlaku di negara ini seperti banjir dan tanah runtuh.

"Kita tidak meminta ia (gempa bumi) berlaku tetapi kita perlu

bersiap siaga.

"Mungkin pada Mei atau Jun depan, kita akan menghantar pegawai sama ada membuat lawatan kerja atau berkursus di negara yang berpengalaman menghadapi serta menguruskan bencana itu, seperti Jepun dan Turkiye.

"Kita boleh belajar daripada mereka berhubung cara menguruskan pasca bencana, pasca gempa. Itu antara perancangan terkini kerajaan negeri untuk kita melengkapi pegawai pengurusan bencana dengan kemahiran dan gerak kerja baharu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Anggerik, di sini, semalam.

Mohd Najwan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik berkata, perancangan berkenaan turut mengambil kira Thailand dan Myanmar yang dilanda gempa bumi, baru-baru ini.

"Negara ini bukan negara berisiko gempa bumi. Biasanya Indonesia, Jepun tetapi sekarang berlaku di negara lain (Thailand dan Myanmar).

"Oleh itu, kita juga perlu membuat persiapan. Kita akan ber-



Mohd Najwan menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Kota Anggerik di Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

siap sedia di Selangor," katanya.

Kerja pembersihan diteruskan
Sementara itu, beliau memaklumkan kerja pembersihan di kawasan sekitar kawasan letupan paip gas bawah tanah di Putra

Heights masih diteruskan secara berperingkat.

"Pembersihan di kawasan kejadian masih dilaksanakan, cuma bukan secara besar-besaran seperti yang kita lakukan minggu lalu. Kita tidak boleh men-

jalankan kerja pembersihan se-suka hati.

"Laporan awal berhubung kejadian itu akan dimaklumkan Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan, selepas mesyuarat pada minggu depan," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh... 21 APR 2025

Bursa Malaysia mampu cecah 1,600 mata hujung suku kedua

BH 21/4

Indeks FBM KLCI yang bangkit daripada kejutan tarif Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini mungkin mencecah kembali paras 1,600 mata penghujung suku kedua 2025 sekiranya melepasi paras 1,550 mata pada awal suku kedua, demikian menurut penganalisis.

Ketua Penyelidikan Pelaburan UOB Kay Hian Wealth Advisors Sdn Bhd, Mohd Sedek Jantan, berkata pihaknya menjangkakan indeks penanda aras Bursa Malaysia itu masih dalam turunkan tidak menentu, tetapi tidak menjangkakan prestasi buruk seperti dicatatkan dua minggu terakhir Mac.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan FBM KLCI akan meningkat, tetapi dalam julat kecil dan berpotensi dalam aliran menaik melepasi 1,550 mata yang menjadi paras halangan pertama.

"Sekiranya melepasi 1,550 pada awal suku kedua, indeks mungkin mencecah paras 1,600 (paras halangan kedua) pada hujung suku kedua," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Mohd Sedek berkata, bagi suku kedua 2025, pi-



Mohd Sedek Jantan

haknya melihat FBM KLCI masih terdedah dengan ketidaktentuan disebabkan faktor luaran.

Menurutnya, dari segi faktor luaran, terdapat dua pembongkahan yang mempengaruhi pasaran iaitu dasar monetari ekonomi AS dan dasar perdagangan AS.

Katanya, bagi pemboleh ubah dasar perdagangan AS, pihaknya melihat jika keadaan masih tidak menentu dan bertambah buruk, ia akan memberi kesan kepada laporan suku tahu-

nan pendapatan syarikat, dengan pengurangan keuntungan syarikat boleh berlaku.

"Namun, kami menjangkakan kesan kepada keuntungan korporat akan disokong kepelbagaian pasaran perdagangan, memandangkan pasaran Malaysia lebih banyak tertumpu di rantau Asia," katanya.

Mohd Sedek berkata, aset selamat seperti emas boleh terus menarik perhatian pelabur, memandangkan ketidaktentuan geopolitik dan kebimbangan inflasi global masih menjadi faktor utama.

Selain itu, beliau berkata, bon atau sukuk juga dilihat terus

mendapat permintaan dalam kalangan pelabur.

Katanya, bagi suku kedua 2025, pelabur perlu bersikap lebih selektif dan meningkatkan jenis aset dalam pegangan mereka.

"Keadaan pasaran yang tidak menentu memerlukan strategi pelaburan yang lebih fleksibel dan pelbagai. Emas, kripto, bon/sukuk serta produk seperti unit amanah dan ETF perlu ada dalam portfolio pelaburan mereka.

"Dengan pendekatan yang lebih holistik, pelabur dapat mengimbangi risiko pasaran dan memastikan pulangan yang lebih stabil dalam tempoh ketidaktentuan ini," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh 21 APR 2025

Concern over potential impact of regional earthquakes

► Many of nation's 398 high-rise buildings over 150m tall may not be adequately designed to withstand tremors, says expert

■ BY HARITH KAMAL
newsdesk@thesundaily.com

SUN
✱

PETALING JAYA: With 398 high-rise buildings over 150m tall in Malaysia, experts are raising concerns that many of these structures may not be adequately designed to withstand the increasing threat of regional earthquakes.

According to the Council on Tall Buildings and Urban Habitat, Malaysia, now in fourth place, trails China, the United States and the United Arab Emirates in the number of skyscrapers exceeding 150m.

Although the country has long been regarded as low-risk for seismic activity, structural engineers argue that this perception is outdated, especially as tremors from nearby countries such as Indonesia and Myanmar grow more frequent and intense.

Universiti Teknologi Malaysia structural earthquake engineering expert Prof Dr Azlan Adnan said tremors in Sabah and along fault lines in Peninsular Malaysia indicate that the country now lies in a low to moderate seismic zone.

"With the growing number of high-rise buildings, particularly in urban areas like Kuala Lumpur and Penang, the potential

impact of even distant earthquakes becomes a real concern."

Azlan pointed out that newer public buildings in Malaysia, constructed after it adopted in 2017 Eurocode 8 (European standard for seismic-resistant design), are generally better equipped.

However, many older and privately developed high-rises remain vulnerable to significant seismic risks.

"One of the key issues is inconsistent enforcement. Eurocode 8 offers a strong framework, but it's often overlooked unless required by authorities or foreign consultants."

"Some developers still cut corners. Without strict enforcement, seismic safety becomes a matter of individual discretion."

He warned that buildings constructed on soft soil, common in parts of the Klang Valley, are particularly at risk, as tremors from major quakes in Indonesia or Myanmar can be amplified in such conditions.

The recent earthquake in Myanmar, which caused tremors as far away as Bangkok, has reignited concerns about Malaysia's exposure to regional seismic activity.

Azlan said retrofitting vulnerable buildings is not only possible but necessary, especially for hospitals, schools and densely occupied residential towers.

"It's technically feasible, but the cost and complexity often discourage building owners."

"What we need is a nationwide assessment and retrofitting programme to identify and strengthen these at-risk structures."

Universiti Malaya senior lecturer Assoc Prof Dr Tan Chee Ghuah echoed similar concerns, particularly regarding high-rises built before seismic design became standard practice.

"There's no official definition of a high-rise

in our building codes, but once a building exceeds 10 storeys or around 35m, it starts to respond differently to forces."

"At those heights, wind and seismic loads become dominant, and with soft soil conditions in places like the Klang Valley, the shaking can be much worse," said Tan, who is also a structural earthquake engineering expert.

He said seismic waves from distant earthquakes can travel over 1,000km and still cause significant shaking due to soil amplification.

"While landmark towers like KLCC Twin Towers, Merdeka 118 and The Exchange 106 were designed with seismic forces in mind, many typical residential towers were not. They may withstand wind, but earthquakes are a different issue."

Tan underscored the urgent need to retrofit older buildings, noting that many were constructed before seismic considerations were included in the design process.

He added that while effective materials such as reinforced concrete jackets, steel bracing and fibre-reinforced polymer composites are available, their use in Malaysia remains limited to specialised or large-scale projects.

"Cost is part of the challenge, but perception is another. Too many still believe Malaysia is immune to earthquakes. That mindset has to change."

Azlan added that true resilience goes beyond engineering.

"Earthquake preparedness isn't just about concrete and steel, it's about people, planning, and systems working together. Taking action now will not only reduce risks in the future but also build a safer, more resilient Malaysia."

THE SUN
Tarih: 21 APR 2025

Govt shield against US tariffs for public health institutions

While rate increases likely to push up cost of essential medical imports, govt expected to absorb much of financial burden, says professor

SUN
21/4

BY DEEPAKSHMI MANICKAM
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The ripple effects of United States (US) tariffs on Chinese goods may soon reach Malaysian public hospitals. But for now, patients, especially those from lower-income groups, are expected to be shielded from significant cost increases.

Universiti Kebangsaan Malaysia public health medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said while the tariffs are likely to push up the cost of essential medical imports, the government is expected to absorb much of the financial burden.

"It's possible purchase prices will rise. But as this is government-funded, the bulk of it will be subsidised by state funds," she told *theSun*.

She said while the public healthcare sector is partially insulated, patients may eventually have to bear part of the cost for certain treatments or medications.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad has said the cost of



Sharifa said despite growing operational pressures, public healthcare remains affordable compared with private options.
— AMIRUL SYAFIQ/THE SUN

imported drugs and medical devices would increase if tariffs impact the active pharmaceutical ingredients (API) or key components used in their production.

He added that local pharmaceutical companies may face steeper costs as global competition for raw materials intensifies.

"Local generics producers could see higher procurement costs for API due to increased demand from US pharmaceutical suppliers."

Sharifa highlighted that cardiac-related procedures may be particularly affected, given Malaysia's rising number of cardiovascular disease (CVD) cases.

"With CVD cases on the rise, treatment costs could escalate. Procedures like stenting may become more expensive, and patients might face higher out-of-pocket expenses."

She said despite growing operational pressures, public healthcare remains affordable compared with private options.

"Generally, a visit to a private GP costs around RM50 to RM70. At government clinics, it's still only RM1."

She added that major surgeries in public hospitals typically range between RM200 and RM400, while daily hospitalisation fees remain between RM10 and RM30.

Amid ongoing global trade tensions and potential supply chain disruptions, Malaysia's healthcare system remains reliant on imported drugs and medical devices, often at a steep cost.

"The drugs and devices are reliable but expensive. It would be wise for Malaysia to manufacture locally or source from more affordable countries such as India

or China.

"The low-income group will likely be protected. Higher-income groups, however, may face fee hikes or co-payment schemes."

To ensure resilience, Sharifa emphasised the need to diversify supply chains and boost investment in primary healthcare and traditional complementary medicine.

She said reforms are already in motion, including efforts to strengthen primary care and introduce a new healthcare financing model.

"This includes social health insurance, combined with private health insurance for higher-income, self-paying groups."

She said while some price hikes are already visible in the private sector, the public system has so far seen only limited impact.

THE SUN
Tarikh: 21 APR 2025